

11/07/2002

Tiket One Nation We Care mula dijual

KUALA LUMPUR, Rabu - Tiket untuk acara One Nation We Care - Sepetang Bersama Perdana Menteri, di Stadium Negara Bukit Jalil pada 27 Julai ini, boleh didapati di semua gedung Jusco mulai sekarang.

Tiket juga boleh didapati di pusat beli belah Mines, Selayang Mall, Sunway Pyramid, Mid-Valley Mega Mall, manakala di Plaza Sungei Wang dan Cheras Leisure Mall akan diedarkan pada 13, 14, 20 dan 21 Julai.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan hari ini, lapan gedung Jusco di Wangsa Maju, One Utama, Taman Maluri, Bukit Raja, Pulau Pinang, Melaka dan Ipoh kini giat mempromosikan acara berkenaan.

Pengunjung ke gedung Jusco di seluruh negara juga boleh mendengar lagu tema One Nation We Care yang digubah khas untuk acara berkenaan.

"Acara One Nation We Care diadakan untuk meraikan kekukuhan, semangat dan kejayaan negara selama ini dan dijangka dihadiri kira-kira 100,000 orang dari seluruh negara," katanya.

Selain berhibur dengan persembahan artis terkenal, tarian kebudayaan dan perbarisan tatu, rakyat juga berpeluang bertemu dan beramah mesra dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Orang ramai boleh membeli tiket cabutan bertuah dengan harga RM2 dan kutipannya akan disumbangkan untuk tujuan kebajikan. Antara hadiah utama yang ditawarkan ialah sebuah kondominium di Bukit Jalil dan dua kereta.

Antara penaja acara itu ialah Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM), Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) serta Persatuan Insurans Hayat dan Penasihat Kewangan Kebangsaan Malaysia (NAMLIFA).

Persatuan itu berjanji menyumbang sejumlah RM100,000 kepada Yayasan Aids Malaysia dan Majlis Kanser Negara (Makna).

Orang ramai boleh menghubungi Liza di Sekretariat LIAM di talian 03-26916628 untuk keterangan lanjut.